



RISDA

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN TENDER

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) mempelawa **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja seperti berikut:-

No. Tender	Tajuk Kerja	Syarat-Syarat Pendaftaran	Lawatan Tapak	Harga Dokumen Tender	Tempoh Pembelian Dokumen Tender	Tarikh/ Waktu Tutup/ Pejabat Yang Mengeluarkan Tender
7.0-09/2018	CADANGAN MENAIK TARAF SISTEM PERKHIDMATAN LIF DI BANGUNAN IBU PEJABAT RISDA JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR	BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G5, Kategori ME Pengkhususan M03 SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) SIJIL TARAF BUMIPUTERA (STB) OLEH PKK	Tarikh: <u>30/10/2018 (SELASA)</u> <u>Jam 11.00 pagi</u> KEHADIRAN DIWAJIBKAN Petender diminta berkumpul di :- TING.G, DEWAN AUDITORIUM RISDA, IBU PEJABAT RISDA, JALAN AMPANG KUALA LUMPUR	RM 95.00	Mulai pada 31/10/2018 Sehingga 21/11/2018	21/11/2018 Tepat Jam 12.00 Tengahari UNIT PEROLEHAN, TINGKAT 7, BAHAGIAN KEWANGAN & BELANJAWAN, BANGUNAN IBU PEJABAT RISDA

Bayaran dokumen tender hendaklah dalam bentuk Wang Tunai/Kiriman Wang Pos atau Deraf Bank atas nama "**KETUA PENGARAH RISDA**". Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Isnin hingga Khamis : Dari jam **8.30** pagi hingga **12.30** tengah hari dan dari jam **2.30** petang hingga **3.45** petang.

Jumaat : Dari jam **8.30** pagi hingga **12.00** tengah hari dan dari jam **3.00** petang hingga **3.45** petang.

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor yang Sah saja. **Satu kontraktor** dibenarkan membeli hanya **satu naskah** dokumen tender sahaja . Untuk maksud ini, kontraktor wajib membawa **SIJIL LAWAT TAPAK ASAL, SIJIL PENDAFTARAN ASAL PKK** dan **CIDB** yang masih sah tempoh pendaftaran serta **DUA salinan pendua kedua-dua sijil berkenaan** untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa **membeli dokumen tender**. Perkhidmatan fotostat tidak disediakan. Petender dikehendaki menyediakan pengangkutan sendiri semasa menghadiri lawatan tapak.

Peringatan: Tender ini mensyaratkan bahawa **hanya penama** di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang boleh menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat tender (Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Pindaan 23/12/2014).

Dokumen tender yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan dalam **sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Kerja** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender Unit Perolehan, Tingkat 7 Unit Perolehan, Bahagian Kewangan & Belanjawan, Bangunan Ibu Pejabat RISDA** tidak lewat daripada **21/11/2018** sebelum jam **12.00** tengah hari.

RISDA tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran. Bukti pos tidak dianggap sebagai bukti penerimaan.